



**KEPADA SEMUA PELAJAR**

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Saudara/ri,

**SISTEM PEMENTORAN AKADEMIK FKAB**

Pementoran merupakan satu kaedah bimbingan akademik dalam meningkatkan tahap kompetensi pelajar. Pementoran ini melibatkan semua pelajar tanpa mengira tahap prestasi pencapaian akademik mereka. Semua pelajar yang mendaftar di FKAB telah ditentukan mentor mereka masing-masing oleh pihak jabatan. Oleh itu bermula semester 1 Sesi Pengajian 2017/2018 semua pelajar perlu berjumpa dengan mentor mereka untuk mendapat bimbingan dan khidmat nasihat supaya prestasi akademik pelajar sentiasa meningkat. Pertemuan ini adalah **WAJIB** dan perlu dilakukan pada setiap awal semester. Borang Mentor-Mentee (Rujuk Lampiran) telah disediakan dan pelajar perlu membawa borang ini untuk diisi oleh mentor masing-masing dan seterusnya diserahkan kepada Pejabat Dekan Aras 4, Bangunan Pentadbiran FKAB. Borang tersebut juga boleh dimuat turun dari laman sesawang fakulti pada bahagian Pra siswazah.

Sistem pementoran di FKAB menggunakan dua platform iaitu i-HPP dan Port-folio Akademik Pelajar. Pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Menggunakan sarang lelabah iHPP untuk **memantau pencapaian** pelajar dan **perkembangan atribut** mereka.
2. Menggunakan Port-folio Akademik Pelajar dalam **memantau hasil kerja** dan **perancangan kemajuan** sebagai usaha untuk memantapkan pencapaian atribut.

Gabungan Struktur Kurikulum, Portfolio Akademik Pelajar dan i-HPP membentuk satu sistem pementoran yang lebih menekankan kepada pencapaian atribut yang melibatkan penilaian hasil pembelajaran (PO) dan usaha pemerksaan atribut.

Justeru itu setiap pelajar perlu membawa **slip keputusan peperiksaan** semester 2 Sesi 2016/17 untuk bertemu dengan mentor bagi tujuan pementoran. Pelajar program kejuruteraan tahun 1 dan tahun 2 pada sesi tersebut pula perlu membawa **Portfolio Akademik Pelajar** bagi memudahkan mentor menilai dan memantau pencapaian atribut mereka.

Sekian terima kasih

PEJABAT DEKAN, FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8911 8003 Faksimili: +603-8925 2546 E-mel: diyanahafizah@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/jurutera>

